



KOPERASI KAKITANGAN  
AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD

## **KOPERASI KAKITANGAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD (KKAIMB)**

Koperasi Kakitangan Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KKAIMB) telah ditubuhkan pada 13 Jun 1996 bersamaan 30 tahun operasinya dengan menjayakan visi dan misi dengan meningkatkan taraf ekonomi anggota mengikut prinsip koperasi sebagai sebuah koperasi berdaya maju dan berdaya saing. KKAIMB merupakan koperasi kredit yang memberi pembiayaan kepada anggotanya serta menjalankan operasi Tabung Khairat Hutang (TKH) yang melindungi pembiayaan sahabat - sahabat yang membuat pinjaman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). KKAIMB juga bergiat aktif dalam melaksanakan projek pembekalan, perladangan dan hartanah. Selain itu, KKAIMB sentiasa meneroka peluang- peluang perniagaan yang berpotensi dalam usaha menambah dan mengukuhkan dana koperasi serta membuat pelaburan yang berkesan dan menguntungkan semua anggota.

KKAIMB mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakkan bagi mengisi beberapa kekosongan jawatan mengikut kelayakan yang ditetapkan. Senarai kekosongan jawatan dan syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- 1. NAMA JAWATAN : PENOLONG PENGURUS**  
**JABATAN/UNIT : UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT, JABATAN KEWANGAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**  
**WILAYAH : IBU PEJABAT**  
**STATUS : KONTRAK**
  
- GRED JAWATAN : a) Pegawai (K3:T1)**  
**b) Gaji Minimum RM 2,616.00 – Gaji Maksimum RM 6,883.00**  
**c) Kenaikan Tahunan : RM288.00**  
**d) Taraf Jawatan – Kontrak**
  
- ELAUN : a) Sara hidup – RM300.00**  
**b) Rumah – RM250.00**
  
- KELAYAKAN :**  
  
**a) Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (IT) / Sains Komputer / Teknologi Maklumat & Komunikasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.**

- b) Mempunyai pengalaman dalam bidang perakaunan sekurang-kurangnya 2 tahun.
- c) Kemahiran pembangunan sistem menggunakan HTML/PHP and CSS.
- d) Penguasaan platform Microsoft 365 (365 Admin Center, Onedrive, Microsoft Teams).
- e) Pengetahuan dan pengalaman dalam Microsoft Windows Server.
- f) Kemahiran mengurus dan membangunkan laman web menggunakan WordPress.
- g) Kemahiran mengurus aplikasi dalaman seperti IMS KKAIMB sebagai pentadbir sistem.
- h) Kemahiran konfigurasi rangkaian, keselamatan siber asas dan troubleshooting sistem (LAN/WAN)
- i) Kemahiran Analitik & Penyelesaian Masalah.
- j) Kemahiran Komunikasi & Penyelarasan.
- k) Kemahiran Pengurusan Dokumen & Rekod.

KEKOSONGAN : 1 kekosongan

BIDANG TUGAS:

**1. Pengurusan Operasi Teknologi Maklumat**

- Menyelia dan memastikan kelancaran operasi berkaitan sistem dalaman, rangkaian dan aplikasi organisasi.
- Menjalankan pemantauan dan memastikan pematuhan SOP teknologi maklumat.

**2. Pembangunan & Penyelenggaraan Sistem**

- Merancang, membangun, menguji dan menyelenggara sistem dalaman seperti dalam Intergrated Management Sistem (IMS KKAIMB), aplikasi berasaskan Microsoft 365 (Outlook, Onedrive, Excel, Word dan Microsoft Teams).
- Mengurus dan mengemaskini aplikasi dalaman seperti IMS KKAIMB dan laman sesawang menggunakan Wordpress.

**3. Pentadbiran Infrastruktur Teknologi**

- Mengurus konfigurasi dan penyelenggaraan Microsoft Windows Server, fail server di (Microsoft Onedrive) dan keselamatan rangkaian serta sistem sokongan LAN/WAN dan Wifi Teknologi.
- Menyediakan dokumentasi teknikal dan kawal selia perkakasan/perisian.

**4. Pembangunan Laman Web & Multimedia**

- Mengurus pembangunan dan penyelenggaraan laman web organisasi menggunakan WordPress serta memastikan keterjaminan dan prestasinya.

**5. Analisis Data & Pelaporan**

- Menganalisis keperluan data, menyediakan laporan teknikal dan laporan analitik bagi menyokong keputusan pengurusan.

## 6. Sokongan Pengguna & Latihan

- Menyediakan bantuan teknikal, khidmat nasihat serta memberi latihan kepada pengguna berkaitan sistem dan aplikasi.

## 7. Kerjasama Dalaman & Luaran

- Menyelaraskan urusan teknikal dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk jabatan lain, pembekal IT dan sistem pengoperasian KKAIMB.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah secara bertulis melalui resume dan disertakan salinan sijil-sijil akademik/transkrip, salinan kad pengenalan serta sekeping gambar berukuran passport dan dihantar kepada:-

KOPERASI KAKITANGAN

AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD

LOT 1-3, TINGKAT 1, JALAN CEMPAKA SD 12/1A,

BANDAR SRI DAMANSARA PJU 9, 52200 KUALA LUMPUR.

**(U/P: JABATAN SUMBER MANUSIA, PENTADBIRAN & KOMUNIKASI KORPORAT)**

**EMEL : [hr@kkaimb.my](mailto:hr@kkaimb.my)**

Atau Permohonan melalui MYFutureJobs

**TARIKH IKLAN : 9 Februari 2026**

**TARIKH TUTUP : 13 Februari 2026**

Catatan Am:-

- 1) Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- 2) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- 3) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.

## **PENGIKLANAN**

Jawatan kosong akan diiklankan di **MYFutureJobs**, **aplikasi media sosial** dan **laman sesawang KKAIMB**.